

Tindakan tatatertib jika gagal lapor salah laku pegawai

Putrajaya: Ketua jabatan yang gagal melaporkan salah laku pegawai bawahannya akan dikenakan tindakan tatatertib, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan itu juga akan menyukarkan peluang untuk kenaikan pangkat.

“Adalah menjadi tanggungjawab ketua jabatan untuk memperkukuhkan integriti dan tatakelola Perkhidmatan Awam.

“Jadi, ketua jabatan yang gagal melaporkan salah laku pegawai bawahannya akan dikenakan tindakan tatatertib dan seterusnya, menjejaskan peluang kenaikan pangkat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-19 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Adnan Mat.

Menyentuh mengenai nilai dan integriti yang menjadi tonggak perkhidmatan awam MADANI, Anwar yang juga Menteri Kewangan, menegaskan beberapa perkara perlu diberi perhatian se-

rius terutama sekali dalam aspek tatakelola pelaksanaan aktiviti, projek dan program kerajaan.

Katanya, beliau sering menekankan pentingnya pembudayaan nilai serta tatakelola yang baik bagi mengukuhkan integriti, akauntabiliti, ketelusan dan keadilan dalam setiap aspek pengurusan dan pentadbiran organisasi perkhidmatan awam.

“Oleh sebab itu, banyak kali saya tekankan dan sebutkan kepada Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bahawa tiada kenaikan pangkat bagi mana-mana ketua jabatan yang ‘tutup mata’ terhadap kewujudan salah laku dan amalan

rasuah dalam kalangan penjawat awam di bawah seliaannya. Ini tiada kompromi!,” tegasnya.

Laksana pusingan kerja

Justeru, Anwar mengarahkan ketua jabatan melaksanakan pusingan kerja secara berterusan bagi mengelakkan berlakunya kes salah laku dalam kalangan pegawai awam.

“Kadang-kadang, apabila ditempatkan di satu tempat terlalu lama, seseorang menjadi biasa dengan amalan lama. Contohnya di perbatasan, lapangan terbang, pelabuhan, mesti ada pusingan kerja yang cepat untuk memantau prestasi mereka,” katanya.

Selain itu, beliau meminta supaya perkhidmatan penjawat awam harus disesuaikan dengan beban tugas hakiki dan tidak lagi dibebani dengan tugas bersifat pentadbiran.

“Kita juga harus melihat mengenai keperluan memastikan perkhidmatan bagi yang terus kepada rakyat seperti keperluan doktor di hospital dan pegawai polis di lapangan perlu disesuaikan dengan beban tugas hakiki.

“Saya mahu perkara ini diteliti sewajarnya oleh kementerian yang berkaitan, dan melaksanakan penajajaran semula sumber kepada tempat yang betul-betul memerlukan,” katanya.